



---

**PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 2/95**  
**TUNTUTAN PEMBAYARAN BALIK KOS LATIHAN OLEH PENYEDIA LATIHAN**  
**BERDAFTAR DI BAWAH SKIM PERLA**

**1. OBJEKTIF**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Penyedia Latihan berdaftar di bawah Skim PERLA berkenaan peraturan mengemukakan borang-borang dan dokumen-dokumen sokongan berkaitan tuntutan pembayaran balik kos yuran dibawah skim berkenaan.

**2. PERATURAN SEBELUM TARIKH PEKELILING INI**

- 2.1 Pihak Penyedia Latihan adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan Borang Pendaftaran iaitu MPSM/PER/1/94 kepada Urusetia Majlis dalam masa sebulan mulai tarikh mula kursus.
- 2.2 Seterusnya pihak Penyedia Latihan perlu mengemukakan Borang Tuntutan MPSM/PER/T2/94 dan Senarai Kehadiran MPSM/PER/2/94 bersama-sama dengan salinan Invoice/ Bil kepada majikan dan Invoice/ Bil bagi jumlah yang hendaklah dituntut daripada Majlis dalam masa 2 bulan dari tarikh tamatnya program/ kursus berkenaan.

**3. HASIL PENILAIAN PERATURAN SEBELUM TARIKH PEKELILING INI**

- 3.1 Oleh sebab borang MPSM/PER/1/94 dikemukakan secara berasingan beberapa masalah seperti berikut telah dihadapi :-
  - (i) Borang MPSM/PER/1/94 lambat dikemukakan atau tidak dikemukakan langsung dan alasan yang diberikan oleh Penyedia Latihan ialah pihak majikan lambat atau belum mengemukakan borang tersebut; dan
  - (ii) Borang MPSM/PER/1/94 tidak diterima oleh Urusetia Majlis tetapi pihak Penyedia Latihan memberitahu bahawa pihaknya telah berbuat demikian.
- 3.2 Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa pembayaran oleh Urusetia Majlis hanya dapat dibuat apabila tuntutan lengkap diterima. Tuntutan yang lengkap bermakna semua borang dan dokumen seperti berikut hendaklah diterima :-
  - i) MPSM/PER/1/94 }
  - ii) MPSM/PER/T2/94 } diisi dengan sempurna;
  - iii) MPSM/PER/2/94 }
  - iv) Salinan Invoice/ Bil kepada Majikan yang disahkan benar; dan
  - v) Invoice/Bil yang ditujukan kepada Urusetia Majlis bagi jumlah yang

hendak dituntut.

#### 4. PERATURAN BERKUATKUASA MULAI TARIKH PEKELILING INI

4.1 Sepertimana yang sedia maklum oleh pihak Penyedia Latihan, pembayaran hanya akan dibuat apabila tuntutan lengkap diterima iaitu semua borang berkenaan dan dokumen-dokumen berkenaan sokongan seperti yang dinyatakan di perenggan 3.2. Mulai 1 November 1995 ini, semua Penyedia Latihan di bawah Skim PERLA hendaklah mengemukakan semua dokumen yang lengkap seperti berikut sekaligus :-

i) MPSM/PER/1/94 }

ii) MPSM/PER/T2/94 } diisi dengan sempurna;

iii) MPSM/PER/2/94 }

iv) Salinan Invoice/ Bil kepada Majikan yang disahkan benar; dan

v) Invoice/Bil yang ditujukan kepada Urusetia Majlis bagi jumlah yang hendak dituntut.

4.2 Dengan adanya peraturan baru ini, Penyedia Latihan tidak lagi dikehendaki menghantar borang MPSM/PER/1/94 dalam tempoh sebulan mulai tarikh sesuatu program/kursus dijalankan. Ini adalah bagi mengelakan borang tersebut hilang atau tidak dapat dikesani.

4.3 Untuk memberi banyak masa lagi bagi Penyedia Latihan mendapatkan borang MPSM/PER/1/95 daripada majikan-majikan berkenaan, Penyedia-penyedia Latihan diberikan masa tempoh 3 bulan untuk mengemukakan tuntutan yang lengkap mulai dari tamatnya sesuatu program/kursus. Dengan tuntutan yang lengkap, Majlis berharap masalah yang dialami sekarang dapat diatasi dan bayaran dapat diuruskan dengan licin dan sempurna. **Walau bagaimanapun, semua Penyedia Latihan adalah digalakkan membuat tuntutan secara lengkap dengan kadar yang agak segera.**

5. Bagi program yang meliputi satu jangkamasa yang panjang, misalnya setahun atau lebih, tuntutan hanya boleh dikemukakan setelah tamatnya program berkenaan sepertimana diluluskan di bawah Skim Prolus. Sungguhpun demikian, Penyedia Latihan adalah digalakkan menstrukturkan program yang panjang kepada beberapa modul supaya tuntutan boleh dibuat apabila tamatnya sesuatu modul. **Bagi tujuan tersebut, kelulusan Unit PROLUS, Bahagian Pembangunan Sumber Latihan, Majlis Pembangunan Sumber Manusia hendaklah diperolehi terlebih dahulu.**

#### 6. PENUTUP

Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh 1 November 1995 dan pihak Penyedia Latihan harus mengikuti peraturan baru seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling ini. Kerjasama semua Penyedia Latihan adalah diminta bagi melicinkan urusan pembayaran di bawah Skim PERLA.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(YAU DE PIYAU)**

Ketua Pengarah

Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

